

Pembangunan bakat tempatan jayakan industri semikonduktor

Cyberjaya: Kejayaan Malaysia membangunkan industri semikonduktor bergantung kepada kemampuan negara melahirkan bakat tempatan berkemahiran tinggi yang berupaya memenuhi keperluan global, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, biarpun Malaysia memiliki dasar serta prasarana yang baik, aspek pembangunan bakat tempatan kekal cabaran terbesar dalam memastikan ekosistem semikonduktor mampan.

"Yang paling mencabar ialah *talent pool* (bakat tempatan) kerana apa makna beri prasarana,

dasar yang baik, kemudahan dan insentif tetapi semua tenaga itu datang dari luar.

"Kita mahu membina kekuatan dalaman, kita mahu kekuatan dalaman, sebab itu apa yang dilakukan di sini, umpamanya kerjasama semua amat membantu supaya anak-anak yang cergas dan pintar diajak bersama dan diberi latihan meningkatkan kemahiran," katanya selepas menyempurnakan Majlis Peluncuran Malaysia Semiconductor IC Design Park 2 di sini, semalam.

Anwar berkata, kejayaan menarik pelaburan berkualiti tinggi dalam sektor semikonduktor per-

lu disokong dengan pelaksanaan yang cekap dan penyediaan kemudahan yang pantas.

"Dasar telah jelas, pelaksanaan mesti cekap, prasarana kena cepat dan memenuhi keperluan pelabur. Kita boleh sediakan prasarana dan beri insentif, tetapi kita juga perlukan *talent pool* (bakat) terlatih untuk melindungi kepentingan negara," katanya.

Beliau berkata, usaha membina kapasiti tenaga kerja tempatan sedang dilaksanakan melalui kerjasama kementerian, Khazanah Nasional dan industri bagi melatih serta menaik taraf kemahiran anak muda.

Perdana Menteri turut mengingatkan generasi muda bahawa sektor terbabit sentiasa berubah dan memerlukan penguasaan ilmu serta disiplin tinggi untuk kekal relevan.

"Masa depan ini adalah untuk anak, belajarlah semampu mungkin, kuasailah disiplin diperlukan kerana ia kerap berubah," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memuji Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang berjaya menubuhkan Fakulti AI pertama negara hanya dalam tempoh tiga bulan berbanding ke-

biasaan lapan bulan.

"Ini menunjukkan bahawa dengan panduan yang jelas, kita boleh bergerak dengan pantas," katanya.

Beliau berkata, inisiatif seperti IC Design Park 2 bukan sekadar mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan semikonduktor global, malah membuka ruang kepada pembentukan tenaga muda tempatan yang akan memacu transformasi digital negara.

Terdahulu, Anwar turut merasmikan Pusat Ujian Cip Termaju (Advanced Chip Testing Centre) yang disaksikan Amirudin.